

Panduan untuk

BALIK PANGKAL

JALAN

Kit kempen untuk
menamatkan amalan
pengubahan LGBT di Malaysia



Pengenalan

Golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender di Malaysia terus menjadi subjek kepada amalan ‘pemulihan’ atau ‘amalan pengubahan’ yang memudaratkan, walaupun amalan ini telah disangkal oleh institusi perubatan, hak asasi manusia dan institusi lain selama berdekad. Frasa ‘Balik Pangkal Jalan,’ yang bermaksud ‘kembali ke ‘fitrah’, sering digunakan untuk memanipulasi dan menyebabkan rasa bersalah dalam kalangan golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender di Malaysia. Mereka yang telah melalui amalan pengubahan mengalami pelbagai kesan negatif, termasuklah tekanan psikologi, pengasingan, dan beban ekspektasi masyarakat. Sudah tiba masanya untuk kita melaungkan suara kita dan mengambil tindakan untuk menamatkan ketidakadilan ini.

Oleh itu, kami menuntut semula frasa ‘Balik Pangkal Jalan’ dengan niat untuk membimbing orang ramai kembali ke jalan penerimaan, inklusif, dan perlindungan untuk golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender daripada amalan pengubahan yang memudaratkan. Kami mengajak anda untuk menyertai kami dalam usaha penting ini!

Kit ini telah direka untuk memperkasakan anda dengan panduan dan sokongan yang diperlukan bagi meningkatkan kesedaran berkenaan kemudaran amalan pengubahan yang ditujukan kepada golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender. Anda boleh menggunakan kit ini dalam pelbagai konteks – sama ada di sekolah anda, tempat kerja, atau secara mudahnya untuk berkongsi maklumat dengan keluarga dan rakan anda. Bersama-sama, mari kita menyumbang kepada pembinaan Malaysia yang tinggi belas kasihan dan lebih inklusif. Apa yang perlu diubah sebenarnya adalah undang-undang yang mendiskriminasi dan memudaratkan, bukannya golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender!

Dengan penuh rasa bangga dan solidariti,
JUSTICE FOR SISTERS

Siapakah kami?

Kami adalah **Justice for Sisters** – kumpulan hak asasi manusia yang mengadvokasi bagi perlindungan, promosi, dan pemenuhan hak asasi yang bermakna bagi golongan lesbian, gay, biseksual, transgender, interseks, queer (LGBTIQ+), dan pelbagai gender di Malaysia.

Hubungi kami

Ada sebarang soalan berkenaan kempen? E-mel kami di:

info@justiceforsisters.org

The logo for Justice For Sisters, featuring the words "Justice" and "FOR SISTERS" in a stylized, handwritten font. "Justice" is in a larger, cursive script, while "FOR SISTERS" is in a smaller, blocky, uppercase font below it.

Apa yang terdapat dalam kit ini?

- Amalan Pengubahan LGBT di Malaysia
- Bagaimana untuk mengambil tindakan?
- Tarikh Penting
- Bahan Kempen
- Contoh Mesej Utama
- Sokongan



**“Tidak ada kebanggaan
buat sebahagian kita tanpa
pembebasan buat kita semua.”**

— Marsha P. Johnson

Amalan Pengubahan LGBT di Malaysia

Amalan pengubahan LGBT yang bertujuan untuk memendam orientasi seksual, identiti gender atau ekspresi gender (SOGIE) seseorang adalah memudaratkan dan telah disangkal. Amalan-amalan ini sering berselindung di sebalik ‘usaha pemulihan’ yang bertujuan untuk mengawal individu yang mengenal pasti diri mereka sebagai golongan LGBTIQ+ atau pelbagai gender supaya kembali kepada apa yang dianggap sebagai ‘pangkal jalan’. Di Malaysia, amalan ini dirujuk sebagai:

- **rawatan dan pemulihan kecelaruan gender**
- **pemulihan, bimbingan, dan sokongan**
- **kembali ke pangkal jalan atau kembali ke fitrah**
- **hijrah**

Di peringkat global, ‘amalan pengubahan LGBT’ dilaksanakan melalui tiga kaedah: psikoterapi, perubatan, dan berasaskan kepercayaan. Di Malaysia, amalan ini dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan, badan-badan kerajaan negeri, dan masyarakat umum. Objektif amalan ini adalah untuk ‘mengubah’ individu LGBTIQ+ dan pelbagai gender dengan memaksa mereka untuk mematuhi ekspektasi binari SOGIE.

Sebelum ini, amalan ini dirujuk sebagai ‘terapi pengubahan’. Kami telah beralih daripada menggunakan istilah ‘terapi’ kerana istilah tersebut member gambaran yang tidak tepat bahawa amalan ini adalah ‘rawatan’ yang terbukti secara perubatan untuk individu LGBTIQ+ dan pelbagai gender — sebuah idea yang telah disangkal sejak berdekad.

Apa yang perlu diubah sebenarnya adalah undang-undang yang mendiskriminasi dan memudaratkan, bukannya golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender itu sendiri!

Mitos: Istilah ‘terapi’, berasal dari perkataan Greek, membawa maksud ‘penyembuhan’. Walau bagaimanapun, amalan ‘terapi pengubahan’ adalah bertentangan dengan maksud terapi: amalan tersebut adalah memudaratkan dan berdasarkan tanggapan perubatan yang tidak tepat bahawa individu LGBTIQ+ dan pelbagai gender mengalami gangguan mental. Amalan ini menimbulkan penderitaan yang parah, mengakibatkan kemudaratkan psikologi dan fizikal yang berkekalan.

— Kamus Bahasa Inggeris Oxford¹

1 Kamus Bahasa Inggeris Oxford, (2023). Therapy. Dicapai pada 2nd Disember 2023 di: www.oed.com/dictionary/therapy_n?tab=factsheet#18826518

Bertindak!



Kami percaya dengan **kuasa komuniti** dan kami teruja kerana anda berada di sini untuk menjadi sebahagian daripada **perubahan** yang anda ingin lihat. Dalam kit ini, kami menyediakan idea dan tindakan untuk meningkatkan kesedaran tentang isu ini.

Berikut adalah beberapa aksi yang anda boleh lakukan!

1. Anjurkan PESTA FILEM!

DALAM TALIAN & LUAR TALIAN



1. Anjurkan PESTA FILEM!

Gunakan senarai semak ini dan soalan-soalan berikut untuk membantu anda merancang pesta filem anda dengan jayanya!

Belanjawan

Adakah anda perlu menyewa sebarang peralatan/tempat untuk menganjurkan pesta menonton ini?

Tempat (dalam talian/luar talian)

Di manakah lokasi acara anda?
Adakah dalam talian atau luar talian?

Penonton

Bagaimanakah anda ingin mengumpulkan penonton anda? Adakah anda akan menyediakan borang untuk orang ramai mendaftar & mendapat peringatan untuk acara anda? (Kami mencadangkan langkah ini untuk memastikan keselamatan & kesejahteraan anda serta penonton anda)

Tarikh & Masa

Periksa masa & tarikh yang sesuai dengan anda dan penonton anda.

Kami telah menyediakan **4 video** untuk menawarkan konteks tentang amalan pengubahan LGBT di Malaysia. Anda boleh menggunakan video-video ini untuk menganjurkan tayangan sama ada di rumah, tempat kerja anda, atau dalam ruang pembelajaran! *(Sila pertimbangkan keselamatan dan privasi para peserta, termasuk diri anda sebagai penganjur!)*

Selepas menonton video-video ini, kami menggalakkan anda untuk bertanya soalan yang digariskan di bawah untuk membantu perbincangan lanjut bersama penonton anda dan menyelami amalan pengubahan dengan lebih dalam. *(Kami menyediakan lembaran maklumat untuk membantu anda menjawab soalan dan memudahkan perbincangan)*

SOALAN UMUM

1. Huraikan perasaan anda selepas menonton video ini dalam satu perkataan **ATAU** Kongsiikan perasaan/fikiran anda selepas menonton kisah ini
2. Apakah yang anda perhatikan dalam video atau kisah tersebut?

PENJELAS AMALAN PENGUBAHAN LGBT

1. Bagaimanakah anda mendefinisikan amalan perubahan LGBT, dan apakah jenis lain amalan perubahan?
2. Mengapakah terdapat kepercayaan bahawa orientasi seksual, identiti gender dan ekspresi gender (SOGIE) seseorang sepatutnya harus atau boleh diubah melalui amalan ini?
3. Apakah langkah yang boleh diambil oleh individu untuk meningkatkan kesedaran berkenaan amalan perubahan LGBT yang memudaratkan di Malaysia?

KISAH 1

Budak dari Perkampungan Nelayan

1. Bagaimanakah institusi perundangan dan agama menyumbang kepada konflik bagi individu dalam mengekspresikan identiti sebenar mereka?
2. Apakah mekanisme sokongan yang perlu diwujudkan untuk membantu individu yang telah mengalami pengalaman yang memberi trauma, terutamanya yang berkaitan dengan amalan perubahan LGBT serta penolakan masyarakat?
3. Bagaimanakah akses kepada perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan komuniti boleh membantu individu dalam proses penyembuhan (*healing*) dan penerimaan diri?
4. Adakah sejarah keganasan seksual atau trauma zaman kanak-kanak seseorang menyebabkan mereka 'menjadi' golongan LGBTIQ+ atau pelbagai gender?

KISAH 2

Mencari Penerimaan

1. Apakah cabaran-cabaran yang biasa dihadapi oleh individu yang telah berkongsi atau mengekspresikan orientasi seksual atau identiti gender mereka kepada keluarga mereka di Malaysia?
2. Bagaimanakah pakar kesihatan mental boleh menyokong golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender yang telah mengalami trauma akibat penolakan masyarakat atau keluarga, amalan pengubahan, atau konflik dalam tentang identiti mereka dengan lebih baik?
3. Bagaimanakah para sekutu dan penyokong boleh menyumbang untuk memupuk masyarakat yang lebih inklusif dan memahami golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender di Malaysia?

KISAH 3

Naluri Wanita

1. Apa itu Identiti Gender, Ekspresi Gender, Orientasi Seksual, dan Ciri-ciri Seks (SOGIESC)?
2. Apakah stereotaip, mitos, dan salah anggap yang biasa anda dengar berkenaan wanita trans di Malaysia?
3. Bagaimanakah dengan memulakan perbualan bersama rakan dan keluarga dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang cabaran yang dihadapi oleh golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender di Malaysia dan di peringkat global?

NOTA TAMBAHAN

Jika anda ingin menganjurkan pesta filem yang lebih menarik, anda boleh mulakan acara anda dengan mengadakan kuiz yang telah kami sediakan di [laman web kami!](#) Hal ini boleh membantu mengukur tahap pemahaman para penonton berkenaan topik tersebut sebelum memperkenalkan video-video tersebut. Anda boleh mengadakan kuiz tersebut melalui:

1. Kahoot! — Ini adalah sebuah platform pembelajaran interaktif yang boleh digunakan secara fizikal atau maya. Lawatilah [kahoot.it](#).
2. Tinjauan pendapat Zoom



2. Kelompok Membaca Queer

DALAM TALIAN & LUAR TALIAN



Anda boleh merancang Kelompok Membaca Queer dengan menggunakan laporan dan sumber maklumat lain dalam [laman web kami!](#)

Berikut adalah beberapa sumber yang boleh anda gunakan untuk bahan bacaan anda:

- a. **‘Hidden Behind the Right Path: Untangling Malaysia’s “soft approach” to LGBTQ rehabilitation’**
<https://justiceforsisters.org/en/balik-pangkal-jalan/reports>
- b. **‘Conversion practices or efforts to change LGBTIQ+ people in Malaysia’**
<https://justiceforsisters.org/wp-content/uploads/2023/08/Conversion-Practice-Survey-Findings.pdf>
- c. **Balik ke Pangkal Jalan — Kisah**
<https://justiceforsisters.org/en/balik-pangkal-jalan/stories>

Selain daripada sumber kami, anda juga boleh mengakses dokumen yang dipercayai ini untuk bahan bacaan Kelompok Membaca Queer anda!

- a. **“I Don’t Want to Change Myself” — Anti-LGBT Conversion Practices, Discrimination, and Violence in Malaysia**
www.hrw.org/report/2022/08/10/i-dont-want-change-myself/anti-lgbt-conversion-practices-discrimination-and
- a. **Report on ‘Conversion Therapy’ — United Nations Independent Expert on protection against violence and discrimination based on Sexual Orientation and Gender Identity (IE SOGI)**
www.ohchr.org/sites/default/files/Documents/Issues/SexualOrientation/ConversionTherapyReport.pdf

3. Pentas Terbuka

LUAR TALIAN

Acara pentas terbuka ialah satu cara yang menyeronokkan untuk mengumpulkan individu-individu yang berfikir sama, memupuk hubungan melalui puisi, bercerita, muzik, atau seni. Pertimbangkan untuk menganjurkan sesi pentas terbuka anda sendiri dan gabungkan kisah-kisah yang dikongsi oleh individu LGBTIQ+ dan pelbagai gender di Malaysia di [laman web kami!](#)

JADILAH KREATIF! Anda boleh berkongsi kisah peribadi anda sendiri tentang ‘amalan pengubahan LGBT’ melalui medium pilihan anda.





Aksi Media Sosial!

DALAM TALIAN

Penglibatan dalam aksi digital adalah salah satu kaedah untuk meningkatkan kesedaran dan menunjukkan sokongan anda dalam menamatkan amalan pengubahan LGBT di Malaysia.

Anda boleh menggunakan mesej utama yang kami sediakan dalam dokumen ini & muat turun aset media sosial untuk 'terapi pengubahan' dan kongsi pada platform media sosial anda.

Lembaran maklumat



PENJELAS AMALAN PENGUBAHAN LGBT

i. Apakah jenis amalan perubahan LGBT?

Umumnya, terdapat tiga jenis amalan perubahan LGBT di Malaysia:

1. Psikoterapi
2. Perubatan
3. Berasaskan kepercayaan

Baca lebih lanjut tentang ‘terapi perubahan’ di [laman web kami](#).

ii. Mengapakah wujud satu kepercayaan bahawa orientasi seksual, identiti gender dan ekspresi gender (SOGIE) seseorang perlu atau boleh diubah melalui amalan-amalan ini?

Kepercayaan dalam mengubah SOGIE melalui amalan perubahan LGBT sering timbul daripada, antara lainnya,

- a. Proses patologi SOGIESC atau pengkategorian golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender sebagai mempunyai gangguan mental. Sebaliknya, Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM) dan Klasifikasi Penyakit Antarabangsa (ICD) tidak lagi mengklasifikasikan orientasi seksual dan identiti gender sebagai gangguan mental.
- b. Tanggapan bahawa hanya wujud lelaki dan perempuan heteroseksual dan cisgender. Pandangan ini mengabaikan spektrum identiti gender dan orientasi seksual yang pelbagai yang melangkaui konsep binari antara lelaki dan perempuan. Hal ini akhirnya membentuk norma masyarakat dan persepsi budaya yang binari.
- c. Tafsiran agama yang bersifat patriarki bahawa golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender adalah para pendosa.

iii. Apakah langkah yang boleh diambil oleh individu untuk meningkatkan kesedaran dan menentang amalan perubahan LGBT yang memudaratkan di Malaysia?

1. Kongsikan video dan bahan-bahan lain yang berkaitan.
2. Mulakan perbualan tentang isu tersebut dengan rakan dan keluarga.
3. Seru bagi perlindungan undang-undang bagi golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender daripada amalan perubahan LGBT.

KISAH 1: BUDAK DARI PERKAMPUNGAN NELAYAN

i **Bagaimanakah institusi perundangan dan agama menyumbang kepada konflik individu dalam mengekspresi identiti sebenar mereka?**

Golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender menghadapi penjenayahan di bawah pelbagai undang-undang

- Diwarisi dari zaman penjajahan British, Seksyen 377A dan 377B di Malaysia yang melarang ‘persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii,’ membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun serta sebatan.
- Di seluruh 14 buah negeri di Malaysia, undang-undang Syariah menjenayahkan golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender, merangkumi daripada berpakaian seperti perempuan atau lelaki sehingga hubungan sesama gender.

Disebabkan oleh penjenayahan oleh kedua-dua sistem perundangan, golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender menghadapi

- kekurangan ruang untuk berekspresi,
- Penangkapan dan serbuan oleh Jabatan Agama negeri serta pihak polis secara sewenang-wenangnya. Tindakan ini telah menimbulkan kesan yang negatif terhadap golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender, membawa kepada peningkatan dalam melakukan penapisan sendiri.

Tambahan pula, kekurangan peluang dan perlindungan terhadap diskriminasi (sebagai contoh, diskriminasi pekerjaan) merupakan faktor yang ketara, terutamanya bagi individu yang terpinggir dari segi ekonomi. Mereka sering menghadapi tekanan untuk akur atau mengubah diri mereka supaya dapat mengakses peluang atau semata-mata untuk terus hidup.

Pengasingan dan penghinaan atas nama agama memburukkan lagi perasaan aib dan serba salah. Hal ini memberi kesan negatif kepada individu LGBTIQ+ dan pelbagai gender beragama dalam cuba mencari penerimaan berdasarkan kepercayaan mereka. Konflik dalaman ini mengakibatkan berkurangnya penerimaan diri, dan dalam kes yang melampau, individu tersebut mungkin akan mengambil jalan yang membawa mudarat. Selain itu, perkara ini mengakibatkan mereka menjadi lebih terdedah kepada risiko yang berkaitan dengan amalan pengubahanan LGBT.

ii Apakah mekanisme sokongan yang perlu diwujudkan untuk membantu individu yang telah melalui pengalaman yang memberikan trauma, terutamanya mereka yang dikaitkan dengan amalan pengubahan LGBT serta penolakan masyarakat?

Buat masa ini, terdapat rangkaian sokongan yang sedang berkembang dalam memberikan perkhidmatan sokongan yang memberikan kesahan kepada golongan LGBTIQ. Anda boleh menghubungi kumpulan-kumpulan tersebut dalam [direktori](#) untuk mendapatkan sokongan.

iii Bagaimanakah akses kepada perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan komuniti boleh membantu individu dalam proses penyembuhan (*healing*) serta penerimaan diri?

Akses kepada perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan komuniti boleh membantu individu dalam perjalanan mereka untuk penyembuhan (*healing*) serta penerimaan diri, selain mengubah kesan negatif amalan pengubahan LGBT dengan menawarkan bantuan emosi dan psikologi yang penting. Perkhidmatan ini menyediakan persekitaran yang selamat untuk individu memproses pengalaman mereka, mengurus emosi yang kompleks, dan membangunkan strategi daya tindak.

Tambahan pula, sokongan komuniti memupuk rasa kekitaan dan kefahaman, mengurangkan rasa terpinggir yang mungkin dialami oleh individu. Dengan menangani keperluan kesihatan mental dan menggalakkan penerimaan diri, sumber-sumber ini menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan secara ketara bagi mereka yang terjejas oleh amalan pengubahan.

iv Adakah sejarah keganasan seksual atau trauma zaman kanak-kanak seseorang menyebabkan mereka ‘menjadi’ golongan LGBTIQ+?

Salah anggap yang biasa bahawa seseorang ‘menjadi’ LGBTIQ+ atau pelbagai gender disebabkan oleh keganasan seksual atau peristiwa yang membawa trauma ketika zaman kanak-kanak. Andaian ini adalah sangat tidak tepat dan memudaratkan. Andaian ini mematahkan semangat individu daripada mendapatkan perkhidmatan dan sokongan yang diperlukan jika mereka melalui peristiwa sedemikian, selain mengukuhkan kepercayaan yang salah bahawa semua golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender perlu diperbaiki dan dibetulkan.

Individu LGBTQ+ dan pelbagai gender, terutamanya kanak-kanak, adalah lebih mudah terdedah kepada keganasan seksual disebabkan oleh potensi pengasingan dan ketiadaan sistem sokongan berbanding kanak-kanak bukan LGBTQ+ dan pelbagai gender.

Individu LGBTQ+ dan pelbagai gender wujud dalam badan, identiti dan pengalaman yang pelbagai! Perjalanan setiap orang adalah unik, dan tidak boleh ditakrifkan hanya dalam satu konteks sahaja.



KISAH 2: MENGARI PENERIMAAN

i Apakah cabaran-cabaran yang biasa dihadapi oleh individu yang telah berkongsi atau mengekspresikan orientasi seksual atau identiti gender mereka kepada keluarga mereka di Malaysia?

Kajian kami mendapati cabaran-cabaran berikut dihadapi oleh golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender dalam keluarga yang tidak menerima mereka

- Komen negatif atau luahan kekecewaan, rasa aib, atau kesedihan, seiring dengan projeksi rasa bersalah.
- Tekanan untuk mengahwini seorang cisgender heteroseksual atau orang 'normal' untuk mula berkeluarga.
- Tekanan atau paksaan untuk berjumpa dengan penyedia kesihatan mental atau penjagaan kesihatan, ahli agama, atau lain-lain dalam usaha untuk kononnya disembuhkan, dirawat, atau dibetulkan. Selalunya, individu ini tidak memberi kesahan terhadap golongan LGBTIQ.
- Golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender telah melaporkan mengalami pelbagai jenis tindakan yang bertujuan untuk mengubah Orientasi Seksual, Identiti dan Ekspresi Gender (SOGIE) mereka, mengakibatkan pelbagai tahap kesan.
- Ancaman keganasan, penafian sokongan emosi atau sumber kewangan, atau risiko dilaporkan kepada agensi-agensi kerajaan.

Ibu bapa dan ahli keluarga mungkin akan terpedaya dengan maklumat yang salah serta tekanan. Hal ini berpotensi menyebabkan kemudaratan kepada anak-anak mereka dan bukannya membuat keputusan yang termaklum demi kepentingan terbaik mereka.

ii Bagaimanakah pakar kesihatan mental boleh menyokong golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender yang telah mengalami trauma akibat penolakan masyarakat atau keluarga, amalan pengubahan LGBT, atau konflik dalaman tentang identiti mereka dengan lebih baik?

Pakar kesihatan mental boleh

- **Melakukan Latihan dan Muhasabah Diri Secara Berterusan:**
Melibatkan diri dalam latihan dan muhasabah diri secara

berterusan untuk meningkatkan pemahaman, kepekaan, dan sokongan untuk pelbagai bentuk keperluan bagi golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender.

- **Mencipta Ruang yang Selamat dan Memberi Kesahan (*affirmation*):** Mewujudkan persekitaran yang selamat dan yang memberi kesahan di mana individu rasa diterima, dihormati, dan disahkan dalam identiti dan pengalaman mereka.
- **Pendekatan yang Holistik:** Menerapkan pendekatan holistik untuk menangani kebimbangan kesihatan mental sambil mempertimbangkan pertindihan dengan identiti, memahami bagaimana aspek identiti yang berbeza boleh memberi kesan kepada kesejahteraan mental.
- **Advokasi dan Sumber:** Menawarkan maklumat tentang sumber komuniti, kumpulan sokongan, dan advokasi sistem sokongan perundangan serta sosial untuk membantu individu mengakses rangkaian sokongan yang lebih luas.



iii Bagaimanakah para sekutu dan penyokong boleh menyumbang untuk memupuk masyarakat yang lebih inklusif serta memahami golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender di Malaysia?

Para sekutu dan penyokong boleh

- **Mendidik Diri Sendiri:** Para sekutu boleh mendidik diri mereka sendiri secara proaktif tentang SOGIESC dan isu-isu yang berkaitan — pengalaman, cabaran, serta keperluan yang pelbagai bagi individu LGBTIQ+ dan pelbagai gender di Malaysia. Hal ini termasuklah memahami istilah, kesan diskriminasi, dan konflik yang dihadapi oleh komuniti ini.
- **Mencabar Diskriminasi & Stereotaip:** Bersuara melawan diskriminasi, prejudis, dan stereotaip setiap kali mereka menyaksikan atau menghadapinya, menggalakkan sebuah budaya yang menghormati dan menerima.
- **Menguatkan Suara Golongan LGBTIQ+ dan Pelbagai Gender:** Gunakan platform mereka untuk menguatkan suara dan kongsi realiti hidup yang diharungi setiap hari oleh golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender.
- **Mencipta Ruang Selamat:** Memupuk persekitaran yang selamat dan inklusif di tempat kerja, sekolah, serta komuniti dengan menggalakkan penerimaan dan penghormatan untuk semua individu, tanpa mengira orientasi seksual atau identiti gender mereka secara aktif.

Kami telah menyediakan [dua laporan](#) yang menggariskan konflik yang dihadapi oleh golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender, terutamanya bagi individu yang telah mengalami trauma akibat amalan pengubahanan LGBT.

KISAH 3: NALURI WANITA

i Apa itu Identiti Gender, Ekspresi Gender, Orientasi Seksual, dan Ciri-ciri Seks (SOGIESC)?

Identiti gender ialah pengalaman mendalam yang dirasakan oleh setiap individu berkenaan gender mereka, yang mungkin sepadan atau tidak dengan identiti yang diberikan semasa lahir. Hal ini termasuklah perasaan mereka berkenaan badan (di mana, jika dipilih secara bebas, boleh melibatkan mengubah penampilan atau fungsi badan melalui proses perubatan, pembedahan, atau kaedah lain) dan ekspresi identiti gender mereka melalui pakaian, pertuturan, serta tindakan atau pergerakan badan.

Ekspresi gender menunjukkan cara individu menyatakan gender mereka melalui tindakan dan ciri-ciri, seperti pakaian, pertuturan, dan tingkah laku. Ekspresi gender seseorang mungkin tidak semestinya 'selaras' dengan jantina atau ciri-ciri seks, identiti gender atau orientasi seksual mereka.

Ciri-ciri seks merujuk kepada gabungan alat kelamin dan anatomi reproduktif, kromosom, hormon, dan ciri fizikal lain yang mungkin wujud disebabkan akil baligh.

Orientasi seksual merujuk kepada tarikan kepada gender bertentangan, gender yang sama, atau kedua-duanya. Semua ini wujud dalam spektrum, digambarkan melalui [Beruang Gender](#). Anda juga boleh merujuk [glosari](#) kami untuk mendapatkan definisi yang lebih lanjut.

ii Stereotaip, mitos, dan salah anggap yang biasa anda dengar berkenaan wanita trans di Malaysia

Beberapa stereotaip dan salah anggap yang biasa termasuk:

- Wanita trans ialah pekerja seks atau objek seksual
- Wanita trans berlagak seperti wanita atau berpura-pura menjadi wanita
- Wanita trans menghidap penyakit mental
- Wanita trans adalah hiperseksual atau gila seks
- Wanita trans adalah ketandusan kerohanian dan keagamaan

Stereotaip dan salah anggap ini meningkatkan risiko mereka untuk terdedah kepada gangguan dan keganasan seksual, tekanan untuk mengubah identiti mereka, serta diskriminasi, terutamanya diskriminasi pekerjaan. Selalunya, wanita trans perlu bekerja dua kali ganda lebih keras untuk mengakses peluang yang sama seperti golongan cisgender. Hal ini sekali gus mengakibatkan mereka terpinggir dari masyarakat.

iii Bagaimanakah dengan memulakan perbualan dengan rakan dan keluarga dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang cabaran yang dihadapi oleh golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender di Malaysia serta di peringkat global?

Hal ini penting kerana hampir dua pertiga individu menghadapi tekanan untuk mengubah Orientasi Seksual, Identiti dan Ekspresi Gender (SOGIE) mereka, terutamanya dari ahli keluarga. Kumpulan rentan, terutamanya mereka yang berusia di bawah 30 tahun, individu transgender, dan mereka yang datang daripada komuniti beragama Islam, telah melaporkan cabaran yang lebih banyak seperti percubaan untuk mengubah SOGIE mereka secara 'sukarela' disebabkan oleh kekeliruan, penarikan sumber kewangan daripada keluarga, dan peningkatan fikiran untuk membunuh diri akibat amalan pengubahan LGBT secara paksa.

Memulakan perbualan juga dapat meningkatkan kesedaran tentang isu tersebut dan menyediakan maklumat berkenaan akses kepada keadilan serta rangkaian sokongan negatif.

Mesej Utama

1. Golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender **#SempurnaSeadanya** dan tidak perlu diubah atau disembuhkan. **#BalikPangkalJalan**
2. Percubaan untuk ‘menyembuhkan,’ ‘memulihkan,’ atau ‘membetulkan’ golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender bukan sahaja memudaratkan tapi juga boleh menjadi satu bentuk penyeksaan dalam keadaan tertentu. **#BalikPangkalJalan**
3. Sebarang bentuk amalan pengu-bahan, pemulihan, atau tekanan yang bertujuan untuk mengubah golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender, tanpa mengira namanya, menghasilkan kesan negatif yang sama. **#BalikPangkalJalan**
4. Peminggiran dan penjenayahan golongan LGBTIQ+ serta pelbagai gender menjadikan mereka lebih terdedah kepada amalan pengu-bahan — memaksa mereka meng-ubah diri mereka untuk menge-lakkan penangkapan, mengakses peluang dan mencari penerimaan yang memberikan kesan negatif terhadap kesejahteraan mereka. **#BalikPangkalJalan**
5. Pakar kesihatan mental dan kaunselor seharusnya menyertai latihan pemekaan berkenaan perkara yang melibatkan individual LGBTIQ+ dan pelbagai gender. Mereka mesti mengelak dari terlibat dalam atau menyokong sebarang bentuk amalan pengubahan LGBT, mengiktiraf kemudaratannya amalan tersebut. **#BalikPangkalJalan**
6. Pakar penjagaan kesihatan harus menerima latihan dan pendidikan amalan penjagaan yang memberi kesahan kepada golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender, serta tidak mengambil bahagian atau mencadangkan sebarang prosedur yang bertujuan untuk mengubah orientasi seksual atau identiti gender mereka. **#BalikPangkalJalan**
7. Keluarga dan masyarakat perlu memupuk sebuah persekitaran yang menerima, kasih, dan memahami, menolak sebarang tekanan atau percubaan untuk mengubah orientasi seksual atau identiti gender ahli keluarga mereka. **#BalikPangkalJalan**

8. Amalan pengubahan terhadap golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender telah dibuktikan sebagai penyebab kemudatan psikologi dan emosi dan mesti ditolak dalam semua konteks.

#BalikPangkalJalan

9. Media harus membuat laporan secara bertanggungjawab tentang bahaya amalan pengubahan LGBT, menguatkan suara melawan amalan yang memudatkan tersebut. **#BalikPangkalJalan**

10. Adalah penting bagi institusi pendidikan untuk melaksanakan pendidikan seksual yang menyeluruh & inklusif yang mendekati kepelbagaian dalam orientasi seksual dan identiti gender, menolak tanggapan untuk mengubahnya.

#BalikPangkalJalan

Semasa mengarang mesej anda, ingat untuk memasukkan tanda pagar berikut dalam siaran anda!

#BalikPangkalJalan

#BornPerfect

#SempurnaSeadanya

#TetapBangga



11. Golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender memerlukan perlindungan kesihatan dan kesejahteraan mereka, bukan pengubahan. Sekurang-kurangnya 26 negara mempunyai langkah untuk melarang amalan pengubahan dan melindungi golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender.

#BalikPangkalJalan

12. Pakar perubatan mengisytiharkan bahawa amalan pengubahan tidak mempunyai sebarang justifikasi perubatan dan mewakili ancaman yang parah terhadap kesihatan serta hak asasi manusia kepada mereka yang terkesan. Menawarkan “terapi pengubahan LGBT” ialah satu bentuk penipuan, pengiklanan palsu dan perdayaan. **#BalikPangkalJalan**

Tarikh Penting

Berikut ialah antara senarai tarikh antarabangsa yang berkaitan dengan kempen 'Balik Pangkal Jalan', terutamanya yang berkaitan dengan golongan LGBTIQ+ dan pelbagai gender. Sebagai tambahan, sila tambahkan sebarang tarikh penting dalam konteks Malaysia bagi komuniti LGBTIQ dan pelbagai gender.



TARIKH HARI ANTARABANGSA

31 Mac	Hari Keterlihatan Transgender Antarabangsa
17 Mei	Hari Melawan Homofobia, Transfobia, dan Bifobia Antarabangsa (IDAHOBIT)
1-30 Jun	PRIDE MONTH! (Bulan Kebanggaan LGBT)
19 Jun	Hari Menghapuskan Keganasan Seksual dalam Konflik Antarabangsa
11 Julai	Hari Penduduk Dunia
14 Julai	Hari Golongan Bukan Binari Antarabangsa
12 Ogos	Hari Belia Antarabangsa
1-31 Oktober	Bulan Sejarah LGBTQ
10 Oktober	Hari Kesihatan Mental Sedunia
26 Oktober	Hari Kesedaran Interseks
13-19 November	Minggu Kesedaran Transgender
20 November	Hari Memperingati Transgender
25 November	Hari untuk Penghapusan Keganasan terhadap Wanita Antarabangsa
1 Disember	Hari AIDS Sedunia
3 Disember	Hari Orang Kurang Upaya Antarabangsa
10 Disember	Hari Hak Asasi Manusia

Sokongan

Jika anda pernah atau sedang mengalami sebarang bentuk amalan pengubahan LGBT dan ingin mendapatkan bantuan, sila hubungi organisasi yang tersenarai di bawah.

Anda boleh mengakses maklumat lanjut tentang organisasi berikut [di sini](#).

NO.	ORGANISASI	KATEGORI	EMEL
1	Good Samaritan Kuala Lumpur (GSKL)	<ul style="list-style-type: none">• Komuniti• Kesihatan Mental• Gereja Inklusif	gsklmalaysia@gmail.com
2	Jejaka	<ul style="list-style-type: none">• Perundangan• Kesihatan Seksual• Komuniti	hello@jejaka.org
3	People Like Us Hang Out (PLUHO)	<ul style="list-style-type: none">• Komuniti• Kesihatan Mental	general@pluho.org
4	Queer Malaysian Indians	Komuniti	qmi.org@gmail.com
5	SEED Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rumah perlindungan• Trans	seed@seedfoundation.com.my



Justice
FOR SISTERS